

05/04/1997

Sokong BN untuk pembangunan

Veena Rusli

KOTA BHARU, Jumaat - Rakyat Kelantan perlu meningkatkan sokongan terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) jika mahu melihat kejayaan serta pembangunan yang lebih besar di negeri ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Badawi, berkata peluang yang terbuka luas di Kelantan perlu dimanfaatkan, sesuai dengan kedudukannya sebagai negeri yang kaya dengan sumber semula jadi dan budaya usahawan.

"Umno percaya rakyat Kelantan mahukan kemakmuran, pembangunan, keamanan dan kestabilan politik di samping kerajaan yang berwibawa serta berkeupayaan meningkatkan kedudukan negeri ini.

"Banyak perubahan boleh dilakukan jika peluang sedia ada diperbanyakkan dan rakyat mengubah sikap demi kejayaan yang sedang dinikmati oleh negeri pantai barat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Forum Perdana Ehwal Semasa bertajuk 'Satu Perspektif Ke Arah Pembangunan Islam' anjuran BN negeri di sini, malam tadi.

Panel lain ialah Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-Arab Saudi, Datuk Mokhtar Ahmad.

Majlis dipengerusikan Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, usaha Malaysia dari aspek pembangunan di peringkat antarabangsa, termasuk menaikkan imej Islam semakin mendapat pengiktirafan.

Katanya, penghargaan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal oleh Kerajaan Arab Saudi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini membuktikan keikhlasan Malaysia bekerjasama dengan negara Islam lain.

Menurutnya, keadaan ini dengan sendirinya menolak sikap Pas yang terlalu mahu berfungsi sebagai pembangkang sehingga enggan mengiktiraf kejayaan Perdana Menteri.

"Pas tidak pernah cakap yang baik-baik, tetapi rakyat sedar bahawa Dr Mahathir berjaya dalam bidang pembangunan dan menaikkan imej Islam.

"Kita rasa Pas cemburu kerana anugerah itu dimiliki oleh seorang pemimpin Umno sedangkan mereka berjuang dalam parti Islam," katanya.

(END)